



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PRESTASI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA
(PMKS) MALAYSIA 2025**

**KDNK PMKS berkembang 5.7 peratus, menyumbang 39.7 peratus
pada tahun 2025**

PUTRAJAYA, 30 JULAI 2026 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Malaysia berkembang sebanyak 5.7 peratus pada tahun 2025 selepas mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus pada tahun sebelumnya, seperti yang dilaporkan dalam penerbitan **Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, 2025** yang diterbitkan hari ini. Penerbitan ini membentangkan statistik sumbangan PMKS kepada ekonomi negara dari aspek KDNK, eksport, guna tenaga dan produktiviti.

Dalam kenyataan pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa pertumbuhan KDNK PMKS sebanyak 5.7 peratus mengatasi pertumbuhan keseluruhan KDNK Malaysia pada 5.2 peratus. Nilai ditambah yang dijana oleh PMKS meningkat kepada RM689.8 bilion berbanding RM652.8 bilion pada tahun 2024, mewakili 39.7 peratus daripada KDNK Malaysia. Prestasi positif PMKS pada tahun 2025 disokong oleh pelaksanaan inisiatif Kerajaan di bawah Belanjawan 2025, termasuk penyediaan kemudahan pembiayaan, insentif dan program pembangunan usahawan yang bertujuan meningkatkan produktiviti, menggalakkan pendigitalan, teknologi & inovasi serta memperluas akses pasaran PMKS.

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK PMKS, yang secara kolektif menyumbang 84.5 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pertanian (8.4%), Pembinaan (5.3%) dan Perlombongan & pengkuarian (0.5%). Di peringkat sektoral, sektor Perkhidmatan mencatat pertumbuhan 5.7 peratus pada tahun 2025, kekal seperti tahun sebelumnya. Prestasi sektor ini disokong oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan (5.0%); Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (6.6%); serta Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (7.7%).

Sementara itu, sektor Pembuatan berkembang sebanyak 4.8 peratus pada tahun 2025 (2024: 5.0%) didorong oleh pertumbuhan dalam Makanan, minuman & tembakau (9.6%); Pembuatan lain (4.7%); dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (4.7%). PMKS dalam sektor Pertanian tumbuh

1.8 peratus pada tahun 2025 (2024: 3.1%). Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh prestasi subsektor Getah, kelapa sawit, ternakan dan pertanian lain yang berkembang 2.3 peratus. Dalam pada itu, sektor Pembinaan meningkat sebanyak 12.0 peratus (2024: 17.5%), manakala sektor Perlombongan & pengkuarian meningkat 4.4 peratus (2024: 4.8%).

Eksport PMKS

Eksport PMKS pada tahun 2025 bertumbuh 10.5 peratus kepada RM214.5 bilion berbanding 29.5 peratus pada tahun 2024. Peningkatan ini disokong oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan masing-masing meningkat sebanyak 8.8 peratus (2024: 7.9%) dan 14.0 peratus (2024: 106.6%). Eksport PMKS menyumbang 14.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2025, merangkumi sektor Pembuatan (9.1%), diikuti Perkhidmatan (5.3%) dan Pertanian (0.2%).

Eksport PMKS bagi sektor Pembuatan meningkat kepada RM132.7 bilion pada tahun 2025 daripada RM122.0 bilion pada tahun 2024. Jentera & kelengkapan pengangkutan, pelbagai barang keluaran kilang serta barang-barang keluaran kilang merupakan penyumbang utama kepada eksport PMKS, dengan sumbangan sebanyak 61.1 peratus daripada jumlah eksport PMKS sektor Pembuatan pada tahun 2025. Singapura merupakan destinasi utama bagi eksport PMKS sektor Pembuatan dengan sumbangan 17.7 peratus, diikuti oleh Amerika Syarikat (15.1%) dan China (12.0%).

Eksport perkhidmatan PMKS terus menunjukkan daya tahan dan momentum pertumbuhan yang kukuh berdasarkan trend pencapaian eksport bagi tempoh tahun 2023 sehingga tahun 2025. Nilai eksport sektor Perkhidmatan PMKS telah mencatatkan peningkatan ketara iaitu daripada RM33.2 bilion pada tahun 2023 kepada RM68.6 bilion pada tahun 2024. Trend peningkatan ini berterusan dan mencecah RM78.2 bilion pada tahun 2025. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh komponen Perjalanan dan Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat.

Sektor Pertanian mencatatkan eksport PMKS bernilai RM3.54 bilion pada tahun 2025 berbanding RM3.50 bilion pada tahun sebelumnya, dengan peningkatan marginal 1.0 peratus. Peningkatan ini dipacu oleh eksport durian yang meningkat 13.2 peratus, buah-buahan tempatan lain sebanyak 9.0 peratus dan sayur-sayuran sebanyak 0.2 peratus. Sementara itu, eksport perikanan termasuk ikan hiasan serta ayam/ itik mencatatkan penurunan pada tahun 2025.

Guna Tenaga dan Produktiviti PMKS

Guna tenaga PMKS terus mencatatkan peningkatan pada 2025, walaupun dengan pertumbuhan yang lebih perlahan 1.5 peratus, untuk merekodkan sejumlah 8.09 juta orang (2024: 7.97 juta orang). Sehubungan itu, sumbangan guna tenaga PMKS

kepada guna tenaga Malaysia pada tahun 2025 adalah 48.7 peratus, meningkat daripada 48.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Mengikut aktiviti ekonomi, guna tenaga PMKS dalam sektor Pertanian menyumbang 41.9 peratus daripada keseluruhan guna tenaga, menunjukkan penurunan 0.3 peratus kepada 789 ribu orang pada tahun 2025. Bagi sektor Perlombongan & pengkuarian, guna tenaga PMKS menyumbang 27.7 peratus atau 21 ribu orang, mencatatkan penurunan 0.3 peratus tahun ke tahun. Manakala, bilangan guna tenaga PMKS dalam sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan marginal 0.02 peratus kepada 1.30 juta orang, menyumbang sebanyak 45.6 peratus guna tenaga dalam sektor ini pada tahun 2025.

Dalam sektor Pembinaan, guna tenaga PMKS menyumbang 48.4 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini untuk merekodkan sejumlah 685 ribu orang, meningkat 1.1 peratus tahun ke tahun. Guna tenaga PMKS dalam sektor Perkhidmatan dilihat terus meningkat sepanjang tahun ini, menyumbang 50.9 peratus daripada jumlah guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan. Guna tenaga PMKS dalam sektor ini meningkat 4.0 peratus kepada 5.30 juta orang, sebahagian besarnya disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan.

Produktiviti buruh PMKS yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja, meningkat 4.1 peratus untuk mencatatkan nilai produktiviti sebanyak RM85,299 per pekerja (2024: RM81,931 per pekerja). Semua sektor menunjukkan peningkatan dalam produktiviti buruh dengan pertumbuhan tertinggi produktiviti buruh PMKS direkodkan oleh sektor Pembinaan (10.8%) diikuti sektor Pembuatan (4.8%), Perlombongan & pengkuarian (4.7%), Perkhidmatan (3.5%) dan Pertanian (2.1%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 JULAI 2026

Carta 1: KDNK Malaysia, PMKS dan Bukan PMKS

pada Harga Malar, 2001-2025 – Perubahan Peratusan Tahunan



Nota:


¹Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PMKS bagi 2013

²Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu PMKS bagi 2013


³Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PMKS bagi 2013

⁴Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu PMKS bagi 2013


Carta 2: Nilai Ditambah dan Sumbangan KDNK PMKS kepada KDNK Malaysia pada Harga Malar 2015, 2018-2025



Carta 3: Peratus Sumbangan dan Perubahan Peratusan Tahunan Eksport PMKS mengikut Sektor, 2018-2025



Carta 4: Bilangan dan Perubahan Peratusan Tahunan Guna Tenaga, 2018-2025





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIA'S MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (MSMEs) PERFORMANCE 2025

MSMEs' GDP grew by 5.7 per cent, contributing 39.7 per cent in 2025

PUTRAJAYA, 30 JULY 2026 – The Gross Domestic Product (GDP) of Malaysia's Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) grew by 5.7 per cent in 2025 after registering 5.9 per cent growth in the preceding year, as reported in the **Micro, Small and Medium Enterprises, 2025** publication released today. The publication presents statistics on MSMEs' contribution to the economy in terms of GDP, exports, employment and productivity.

In today's statement, the Department of Statistics Malaysia stated that MSMEs' GDP growth of 5.7 per cent exceeded Malaysia's overall GDP of 5.2 per cent. The value added generated by MSMEs increased to RM689.8 billion as compared to RM652.8 billion in 2024, representing 39.7 per cent of Malaysia's GDP. The positive performance of MSMEs in 2025 was supported by Government initiatives under Budget 2025, including financing facilities, incentives and entrepreneur development programmes aimed at enhancing productivity, accelerating digitalisation, technology & innovation and expanding market access for MSMEs.

The Services and Manufacturing sectors remained the main contributors to MSMEs' GDP, collectively accounting for 84.5 per cent. This was followed by Agriculture (8.4%), Construction (5.3%) and Mining & quarrying (0.5%) sectors. At the sectoral level, the Services sector recorded a growth of 5.7 per cent in 2025, unchanged from the previous year. The sector's performance was underpinned by continued expansion in the Wholesale & retail trade, food & beverages and accommodation (5.0%); Finance, insurance, real estate & business services (6.6%); and Transportation & storage and information & communication (7.7%).

Meanwhile, the Manufacturing sector expanded by 4.8 per cent in 2025 (2024: 5.0%) driven by growth in Food, beverages and tobacco (9.6%); Other manufacturing (4.7%); and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (4.7%). MSMEs in the Agriculture sector grew at 1.8 per cent in 2025 (2024: 3.1%). The growth was mainly supported by the performance of the Rubber, oil palm, livestock and other agriculture sub-sector which grew by 2.3 per cent.

Simultaneously, the Construction sector increased by 12.0 per cent (2024: 17.5%) and the Mining & quarrying sector rose by 4.4 per cent (2024: 4.8%).

MSMEs' Exports

Exports of MSMEs in 2025 increased by 10.5 per cent to RM214.5 billion as compared to 29.5 per cent in 2024. The increase was supported by the Manufacturing and Services sectors, which grew by 8.8 per cent (2024: 7.9%) and 14.0 per cent (2024: 106.6%), respectively. MSMEs' exports accounted for 14.7 per cent of the total exports in 2025, comprising the Manufacturing sector (9.1%), followed by Services (5.3%) and Agriculture (0.2%) sectors.

Exports of MSMEs in the Manufacturing sector increased to RM132.7 billion in 2025 from RM122.0 billion in 2024. Machinery & transport equipment, miscellaneous manufactured articles and manufactured goods were the main drivers of this sector, accounting for 61.1 per cent of total manufacturing exports by MSMEs in 2025. Singapore was the main export destination for MSMEs' in the Manufacturing sector, accounting for 17.7 per cent, followed by the United States (15.1%) and China (12.0%).

Services exports for MSMEs continue to demonstrate resilience and strong growth momentum, based on the export performance trends from 2023 to 2025. The export value of the MSMEs Services sector recorded a significant increase from RM33.2 billion in 2023 to RM68.6 billion in 2024. The upward trend is continued, reaching RM78.2 billion in 2025. This growth was largely driven by the Travel component, as well as Telecommunications, computer, and information services.

The Agriculture sector recorded exports of MSMEs worth RM3.54 billion in 2025 as compared to RM3.50 billion in the previous year, with a marginal increase of 1.0 per cent. This increase was led by exports of durian which increased by 13.2 per cent, other local fruits by 9.0 per cent and vegetables by 0.2 per cent. Meanwhile, exports of fisheries including ornamental fish and chicken/ duck recorded a decrease in 2025.

MSMEs' Employment and Productivity

MSMEs' employment continued to increase in 2025, albeit at a slower growth of 1.5 per cent, reaching a total of 8.09 million persons (2024: 7.97 million persons). Consequently, the contribution of MSMEs to Malaysia's total employment in 2025 was 48.7 per cent, an increase from 48.5 per cent in the previous year.

By economic activity, MSMEs in the Agriculture sector accounted for 41.9 per cent of the sector's total employment, with a decline of 0.3 per cent to 789 thousand persons in 2025. In the Mining & quarrying sector, MSMEs contributed 27.7 per cent or 21 thousand persons, registering a decline of 0.3 per cent over the year. Meanwhile,

MSME employment in the Manufacturing sector rose marginally by 0.02 per cent to 1.30 million persons, representing 45.6 per cent of total employment in the sector in 2025.

In the Construction sector, MSMEs contributed for 48.4 per cent of total employment, employing 685 thousand persons, an increase of 1.1 per cent year-on-year. MSME employment in the Services sector also increased steadily throughout the year, registered 50.9 per cent of the total employment in the Services sector. Employment in this sector rose by 4.0 per cent to 5.30 million persons, mainly driven by the wholesale & retail trade, food & beverage, and accommodation sub-sectors.

The MSMEs' labour productivity which measured by value added per employment improved by 4.1 per cent in 2025, to register a value of RM85,299 per person (2024: RM81,931 per person). All sector recorded a growth in labour productivity with the highest growth of MSMEs' labour productivity was recorded in the Construction sector (10.8%), followed by the Manufacturing (4.8%), Mining & quarrying (4.7%), Services (3.5%) and Agriculture (2.1%) sectors.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 JULY 2026

**Chart 1: GDP of Malaysia, MSMEs and Non-MSMEs
at Constant Prices, 2001-2025 – Annual Per centage Change**



Notes:
 -Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 Old MSMEs' Definition
 -Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 New MSMEs' Definition
 -Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 Old MSMEs' Definition
 -Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 New MSMEs' GDP Definition

**Chart 2: Value Added and Contribution of MSMEs' GDP to Malaysia's GDP
at Constant 2015 Prices, 2018-2025**




Chart 3: Per centage Share and Annual Per centage Change of MSMEs' Exports by Sector, 2018-2025




Chart 4: Number and Annual Per centage Change of Employment, 2018-2025

